

PSB - Bahagian Arkib

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: Monday, 12 February, 2018 4:18 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri b. Nordin; Dr. Mohamed Ali bin Haniffa; Faizah Bt Hashim
Subject: MAJLIS PENERIMAAN TUGAS TIMBALAN PENGARAH (PEMBANGUNAN PELAJAR)
PUSAT ASASI PENGURUSAN



Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

12 Februari 2018 / 26 Jamadil Awal 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**MAJLIS PENERIMAAN TUGAS TIMBALAN PENGARAH (PEMBANGUNAN PELAJAR)
PUSAT ASASI PENGURUSAN**



PAP ONLINE : Dr. Mohamed Ali bin Haniffa, Pensyarah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar), Pusat Asasi Pengurusan berkuat kuasa 01 Februari 2018 hingga 31 Disember 2018.

Pelantikan tersebut adalah bagi menggantikan Prof. Madya Md. Zahir bin Mat Cha yang telah tamat tempoh lantikan pada 31 Disember 2017. Bagi tempoh 07 Ogos 2017 hingga 31 Disember 2017, Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri bin Nordin, Timbalan Pengarah (Akademik) telah menjalankan tugas Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar) yang bercuti sakit sejak 31 Julai 2017.

Majlis penerimaan tugas telah diadakan pada 04 Februari 2018 dan telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Abdul Razak bin Yaakub, Pengarah, Pusat Asasi Pengurusan di dalam satu majlis ringkas di Bilik Mesyuarat jabatan tersebut.

Prof. Dr. Abdul Razak bin Yaakub, di dalam ucapan ringkasnya mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada Dr. Mohamed Ali bin Haniffa. Beliau yakin dengan pengalaman sebagai guru di beberapa buah sekolah menengah serta sebagai tenaga pengajar di UUM, Dr. Mohamed Ali akan dapat membantu melahirkan modal insan yang cemerlang dan mampu meningkatkan pembangunan pelajar secara holistik.

Dr. Mohamed Ali turut mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Pusat Asasi Pengurusan di atas kepercayaan yang diberikan dan beliau berjanji untuk bersama-sama membantu melahirkan pelajar yang mempunyai pakej yang lengkap dan bergraduat sebagai graduan Kelas Pertama.

Majlis penerimaan tugas Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar) turut disaksikan oleh Timbalan Pengarah (Akademik), Penolong Pengarah Kanan serta staf pentadbiran, Pusat Asasi Pengurusan.

SEKIAN.

=====

DARIPADA:

**PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3453

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan

LAMAN WEB : Pusat Asasi Pengurusan



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.